

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah ke hadapan untuk menubuhkan kembali fungsi Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) sebagai badan menyeluruh menjaga industri padi negara dan mengawal monopoli pengimportan beras luar oleh syarikat bukan milik Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menswastakan Lembaga Padi dan Beras (LPN) sebagai BERNAS melalui Perjanjian Konsesi sehingga tahun 2021. Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) masih memainkan peranan penting mengawal selia pembangunan padi dan beras negara termasuk tugas penguatkuasaan dan pengawalan jumlah keperluan beras import yang dibawa masuk ke dalam negara. Perkara-perkara yang melibatkan perancangan dasar industri padi dan beras juga dikekalkan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

2. Penubuhan semula LPN juga akan memberikan implikasi kos yang tinggi kepada Kerajaan mengambilkira model penswastan yang diperkenal adalah bersifat '*cross- subsidy*', di mana keuntungan import yang diperolehi oleh BERNAS digunapakai untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab sosial dalam industri seperti mengurus stok penimbal negara, membeli padi daripada petani pada harga minima terjamin (*guaranteed minimum price*), menjadi pembeli terakhir padi kepada petani (*Buyer of Last Resort*), mengurus pembayaran Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) kepada petani dan mengurus skim pengilang Bumiputera.

3. Pada masa ini, Kementerian sedang dalam proses untuk menjalankan kajian pembangunan model baharu industri padi dan beras negara yang meliputi keseluruhan rantai industri melibatkan petani, pengilang, pemborong, peruncit, Kerajaan dan rakyat keseluruhannya. Kajian juga sedang dilaksanakan melalui perunding luar, *World Bank* untuk memperincikan keperluan bagi mewujudkan agensi bagi mengawal selia industri padi dan beras. Penelitian mendalam tentang perkara ini perlu dilaksanakan kerana urusan pengimportan beras perlu diuruskan dengan baik bagi memastikan bekalan beras negara tidak terjejas.

Sekian, terima kasih.